

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan terma dan syarat yang berkaitan Bil Pungutan Keluar (“OBC”) sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil perkhidmatan ini. Anda dikehendaki supaya meminta penjelasan dari Pengurus Perhubungan EXIM Bank (Bank) yang ditugaskan kepada anda berkenaan sebarang terma dan syarat yang mengatur produk tersebut. Sila pastikan bahawa anda telah memahami sepenuhnya tentang produk dan terma dan syarat bersesuaian dengan keperluan pinjaman dan/atau perniagaan anda.)



Bil Pungutan Keluar

1. Apakah produk ini?

Bil Pungutan Keluar (“OBC”) merupakan satu perkhidmatan dimana kami akan bertindak sebagai agen bagi pihak anda untuk menghantar dokumen pengangkutan bersama dengan dokumen lain yang berkaitan dengan transaksi anda kepada Bank Pemungut untuk menuntut bayaran dari pelanggan anda.

2. Apakah yang akan saya dapat dari produk ini ?

- Ia membolehkan anda untuk mempercepatkan kitaran pungutan tunai anda.
- Mendapatkan dokumen untuk pembayaran melalui saluran yang sesuai.

3. Apakah tanggungjawab-tanggungjawab saya?

Anda dikehendaki membayar komisen pungutan dan caj lain berkaitan dengan OBC.

4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

No.	Jenis Fi dan Caj	Kuantum
1.	Komisyen Pungutan	0.1% rata; Min: RM50; Mak: RM100
2.	Caj SWIFT	RM70
3.	Duti Stem	RM10 di Malaysia dan/atau keperluan penyeteman di negara lain
4.	Pos / Caj Penghantaran <u>Pihak Tempatan</u> <ul style="list-style-type: none">• Mel Biasa• Mel Berdaftar• Perkhidmatan kiriman cepat/Serahan tangan <u>Pihak Asing</u> <ul style="list-style-type: none">• Mel Biasa• Mel Berdaftar• Perkhidmatan kiriman cepat	Min.RM3 Min.RM6 Min.RM7 Min.RM4 Min.RM8 Min.RM50 – berbeza mengikut lokasi

Sila minta daripada Pengurus Perhubungan anda untuk piawai fi dan caj Bank ke atas Produk dan Perkhidmatan Konvensional. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada yuran dan caj yang akan dikenakan kepada kemudahan anda, Bank akan memberitahu anda sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan.

5. Apakah akan berlaku sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?

Transaksi anda akan terganggu.

6. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan pinjaman sebelum tempoh matang?

Tidak berkenaan.

7. Adakah saya memerlukan perlindungan insurance?

Tidak berkenaan.

8. Apakah risiko – risiko utama yang perlu saya tanggung?

Anda terdedah kepada risiko tiada pembayaran dari pelanggan anda kerana dokumen pungutan telah hilang atau gagal dikemukakan untuk pembayaran.

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat peribadi?

- a) Adalah penting untuk anda memberitahu kami mengenai setiap perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan bahawa semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada waktu yang tepat.
- b) Untuk mengemaskinikan butir-butir hubungan anda, anda boleh memaklumkan kami melalui pelbagai saluran komunikasi seperti di laman sesawang atau di pusat panggilan pelangan kami di 03-2601 2000.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

Jika anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, anda juga boleh menulis kepada kami di alamat berikut:

Ketua, Jabatan Komunikasi Korporat
Export-Import Bank of Malaysia Berhad
Aras 1, EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603-26012000
Faks: +603-26012469
Laman Sesawang: www.exim.com.my

Jika pertanyaan atau aduan Pelanggan tidak dapat diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, Pelanggan boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Faks: +603-2174 1515
Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my

11. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Maklumat tambahan mengenai Bil Pungutan Keluar boleh didapati di pejabat atau laman sesawang korporat kami: www.exim.com.my.

EXPORT-IMPORT BANK OF MALAYSIA BERHAD
Aras 1, EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603-26012000
Faks: +603-26012469

12. Apakah jenis perkhidmatan pungutan lain yang ditawarkan?

Bil Pungutan Masuk

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMBUAT PEMBAYARAN UNTUK KEMUDAHAN TERSEBUT APABILA DITUNTUT

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah setakat 30 Julai 2021.